

NEWSLETTER

1. SESI PENGUJIAN FAT BAGI SISTEM EHR MODUL PENGAMBILAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

04/03/2025 (SELASA)

Sesi Pengujian FAT dan Latihan berkaitan data eHR Modul Pengambilan telah berlangsung di Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Sesi ini bertujuan untuk menguji sistem yang telah dikemaskini mengikut keperluan akhir MBPG dan memberi panduan pengguna bagi modul eHR ini. Sesi ini telah dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG. Turut disertai oleh wakil CTSB iaitu Syafaizah dan Edy Izwan.



2. SESI GO-LIVE SISTEM EPBT 3.0 BAGI MODUL HASIL MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

04/03/2025 (SELASA)

Sesi Go-Live bagi Modul Hasil Sistem ePBT 3.0 telah dijalankan selama 6 hari di MJB dan beberapa kaunter luar MJB. Sesi ini bertujuan untuk membantu pihak pegawai MJB dalam penggunaan sistem baru yang telah dinaiktaraf dari segi teknologi dan antaramuka yang baru. Sesi ini telah melibatkan ramai pihak CTSB yang turut membantu di MJB dan kaunter luar MJB.



3. CYBERPORT ACADEMY KINI SECARA RASMINYA DIPERAKUI SEBAGAI CASUGOL CERTIFIED EDUCATORS!

13/03/2025 (KHAMIS)


Sebahagian dari team CTSB & MSC telah berjaya menamatkan Casugol Certified Educator Program, satu peluang eksklusif untuk menjadi sebahagian daripada rangkaian pendidik global Casugol. Program ini telah dilengkapi dengan metodologi pengajaran terkini, alat digital, dan strategi bimbingan yang canggih bagi menyampaikan pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan dan menarik dalam landskap transformasi digital. Dengan pencapaian ini, Cyberport Academy kini bersedia untuk memperkasakan lebih ramai bakat dan perniagaan di Malaysia untuk mendepani transformasi digital dan teknologi masa hadapan.



4. MSC CYBERPORT MENJALIN KERJASAMA STRATEGIK DENGAN CASUGOL

13/03/2025 (KHAMIS)


MSC Cyberport telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Casugol bagi mempercepat pembangunan modal insan dan transformasi digital berasaskan AI di Malaysia. Menerusi Cyberport Academy, kami akan menawarkan program pensijilan dan bengkel eksekutif bertaraf antarabangsa dalam bidang AI, analitik data, kepimpinan dan transformasi digital. Kerjasama ini juga akan memperkenalkan CASUGOL Method™ for Digital Transformation kepada rangkaian pelanggan MSC Cyberport, bagi membantu organisasi kekal kompetitif dalam era digital.



5. MAJLIS IFTAR MSC DAN CTSB

14/03/2025 (JUMAAT)

Majlis iftar MSC-CTSB telah diadakan bagi mengeratkan silaturahim antara staf. Cawangan CTSB di JB, KL, Terengganu, Kuantan, dan Sarawak turut menganjurkan majlis iftar masing-masing di Kawasan berdekatan mereka. Turut menghadiri majlis iftar di Berjaya Waterfront Hotel, JB, ialah Pengarah Eksekutif CTSB iaitu Tuan Salikon Sarpin.



6. SESI DEMO SISTEM EPBT KEPADA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN



17/03/2025 (ISNIN)

Sesi demo ini telah berlangsung selama satu hari iaitu pada 17 Mac 2025 di Majlis Bandaraya Seremban. Ia telah dijalankan dengan lancar bagi memperkenalkan fungsi dan keupayaan sistem ePBT tersebut. Sesi ini bertujuan untuk menunjukkan bagaimana sistem dapat membantu mempertingkatkan kecekapan operasi dan perkhidmatan dalam skop Pelesenan dan HR. Wakil CTSB yang turut menyertai sesi ini adalah Puan Arina, Suhana, Shah Erhan, Fyqa Maarof, dan Izwan.

7. SESI PENGUJIAN UAT BAGI API EKIOSK MYVIS MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

17/03/2025 (ISNIN)


Sesi demo ini telah berlangsung selama satu hari iaitu pada 17 Mac 2025 di Majlis Bandaraya Seremban. Ia telah dijalankan dengan lancar bagi memperkenalkan fungsi dan keupayaan sistem ePBT tersebut. Sesi ini bertujuan untuk menunjukkan bagaimana sistem dapat membantu mempertingkatkan kecekapan operasi dan perkhidmatan dalam skop Pelesenan dan HR. Wakil CTSB yang turut menyertai sesi ini adalah Puan Arina, Suhana, Shah Erhan, Fyqa Maarof, dan Izwan.



8. LATIHAN KEPINTARAN BUATAN (AI) BERSAMA BOMBA JOHOR DAN MPC

18/03/2025 (SELASA)


Pada 18 Mac 2025, satu sesi bimbingan khas anjuran Malaysia Productivity Corporation (MPC) dihadiri oleh tiga pegawai MPC termasuk Pengarahnya, Tn. Mohd Azwan Mohd Salleh, lima pegawai JBPM Johor, serta dua wakil CTSB, Ts Arina (CTO) dan Dr. Ikhwan. Sesi ini bertujuan mengaplikasikan teknologi Kecerdasan Buatan (AI), khususnya ChatGPT, dalam proses kelulusan permit pembinaan serta pelan keselamatan kebakaran. AI digunakan bagi menangani kelewatan dalam sektor pembinaan dengan mempercepatkan semakan pelan dan laporan ulasan. CTSB bertindak sebagai perunding untuk mengoptimumkan algoritma AI menggunakan kerangka prompt yang tepat, menyokong agenda Transformasi Digital strategik JBPM Johor demi manfaat semua pihak.



9. SESI LATIHAN DAN GO-LIVE MODUL PENGAMBILAN EHR MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

20/03/2025 (KHAMIS)

Sesi Latihan dan Go-Live bagi Modul Pengambilan eHR di Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah berlangsung selama satu hari pada 20 Mac 2025. Sesi latihan ini telah berlangsung semula selepas pengemaskinian sistem mengikut keperluan MBPG selesai dilakukan. Wakil CTSB yang turut menyertai sesi ini adalah Edy Izwan, dan Aina.



10. SESI PENGUJIAN PRA-UAT BAGI INTEGRASI API KFL ELICENSE MAJLIS PERBANDARAN KULAI

27/03/2025 (KHAMIS)

Sesi pengujian Pra-UAT bagi integrasi API KFL eLicense Majlis Perbandaran Kulai telah dijalankan selama satu hari. Pengujian ini bertujuan untuk memastikan integrasi sistem antara ePBT dan KFL berjalan lancar sebelum UAT sebenar. Beberapa scenario diuji termasuk permohonan lesen, semakan status, dan pengesahan data. Sesi ini turut disertai oleh pihak MPKu, vendor KFL, dan wakil CTSB iaitu Siti Khairatul, dan Inshirah.

